

23/05/1999

Isu gaji selesai 2 minggu lagi

KUALA LUMPUR: Isu tuntutan pelarasan gaji lebih 10,000 kakitangan lima badan berkanun yang tertangguh sejak beberapa tahun lalu, dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh dua minggu lagi.

Badan berkenaan meliputi Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah diberi taklimat mengenai perkara itu dan dijangka turut campurtangan untuk memastikan isu berkenaan diselesaikan secepat mungkin.

"Kita juga memberitahu Dr Mahathir mengenai perkara itu pada pertemuan hari ini (semalam). Beliau tidak memberi sebarang jaminan, sebaliknya berjanji akan meminta perkara itu dikaji segera.

"Saya yakin perkara ini dapat diselesaikan dengan baik dan secepat mungkin. Kemungkinan akan ada keputusan dalam tempoh 10 hari lagi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja 1999 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri di Stadium Putra, Bukit Jalil dekat sini, semalam.

Siva berkata, beliau difahamkan memorandum yang dihantar Cuepacs sudah dikaji oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kini pada peringkat Perbendaharaan untuk kelulusan akhir.

"Kita menjangka ada penyelesaian dalam tempoh 10 hari. Saya menyerahkan kepada kerajaan untuk mengumumkan keputusannya," katanya.

Dalam tuntutan itu, kakitangan lima badan berkenaan meminta pelarasan gaji atas alasan gaji mereka lebih rendah berbanding rakan mereka dalam perkhidmatan awam.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak memberitahu Bernama, perkara itu masih dalam kajian JPA.

"Saya tanya Ketua Pengarah JPA (Datuk Samsudin Osman) hari ini (semalam) dan beliau memberitahu saya yang Kabinet belum lagi memutuskan mengenai perkara itu," kata Zainal apabila dihubungi di sini.

Zainal berharap JPA akan mempercepatkan perkara itu yang sudah berlarutan sejak lima tahun lalu.

(END)